

Kualiti Hidup Orang Asli: Pengukuran Melalui Indeks Kualiti Hidup Orang Asli Berwajaran

The Quality of Life of Malaysian Aborigines: Measured with a Weighted
Quality of Life Index for *Orang Asli*

MOHD FAUZI MOHD HARUN & NOR AINI HJ IDRIS

ABSTRAK

Kualiti hidup masyarakat Orang Asli dikatakan masih berada pada tahap yang rendah. Ukuran yang sering digunakan oleh para penyelidik untuk menggambarkan kualiti hidup Orang Asli ialah dari aspek kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya. Walaupun ukuran ini boleh digunakan, tetapi adalah lebih baik sekiranya kualiti hidup Orang Asli dilihat melalui pendekatan yang lebih holistik. Justeru, dicadangkan sebuah indeks yang dikenali sebagai Indeks Kualiti Hidup Orang Asli Berwajaran (IKHOAW) sebagai ukuran kepada kualiti hidup masyarakat Orang Asli di Malaysia. Indeks yang dibina ini adalah merupakan sebuah indeks komposit yang merangkumi lapan sub indeks yang mewakili aspek-aspek kualiti hidup secara tersendiri. Pengukuran kualiti hidup melalui IKHOAW ini adalah lebih diyakini kerana pengukuran kualiti hidup Orang Asli tidak lagi dilihat secara berasingan tetapi merangkumi pelbagai aspek kehidupan mereka. Keputusan kajian mendapati kualiti hidup Orang Asli secara keseluruhannya adalah memuaskan kecuali dari aspek kemudahan bekalan air, elektrik, rumah dan pemilikan kenderaan berenjin.

Kata kunci: Pendekatan menyeluruh, indeks kualiti hidup, Orang Asli, Indeks Kualiti Hidup Orang Asli Berwajaran

ABSTRACT

The quality of life of Malaysian aborigines (Orang Asli) are often perceived as relatively low. Such is the normal impression obtained when basic need variables such as electricity and water supplies and accessibility by roads are used to measure their quality of life. Although these are useful wellbeing indicators this paper is of the opinion that a more holistic perspective would do a better job of gauging the aborigines' quality of life. A new index called the Weighted Quality Life Index for Orang Asli (IKHOAW) is proposed which is a composite index comprising eight quality of life sub-indices. This set of indicators is deemed more reliable as all possible variables pertaining to the quality of life are not treated separately. Given its holistic nature, the new IKHOAW is expected to be more realistic in capturing poverty grouse among the aborigines. By using this index, the study found that in almost all respects the Malaysian aborigines' quality of life was very satisfactory; it is only less so with respect to electricity and water supplies, housing and motorised vehicle ownership.

Keywords: holistic approach, quality of life index, Orang Asli, the Weighted Quality of Life Index for Orang Asli

PENGENALAN

Kualiti hidup masyarakat Orang Asli dikatakan berada pada tahap yang rendah. Banyak kajian yang telah dilakukan mengenai masyarakat Orang Asli dari aspek kualiti hidup dan kemiskinan. Salah satu pendekatan yang diguna pakai ialah pendekatan peminggiran atau *social exclusion*. Ianya dipelopori oleh Townsend (1979) dan diikuti oleh pengkaji-pengkaji lain termasuk Strobel (1996), Evans (1998), Taylor (1999) dan Atkinson (2000). Aspek kualiti hidup yang sering diberi perhatian oleh para pengkaji ialah kemudahan-kemudahan asas dan juga perumahan (Martin 2008; Ball 2008). Dari segi kemudahan asas misalnya, 37.0% daripada perkampungan Orang Asli pada 2005 masih belum menerima bekalan elektrik (Mohd Tap 2005). Dari segi

bekalan air pula, hanya 71.0% perkampungan Orang Asli menerima bekalan air paip pada 2005. Selebihnya mendapat bekalan dari sumber-sumber lain seperti telaga dan sungai (Mohd Tap 2005). Keadaan kualiti hidup yang rendah ini selanjutnya boleh dilihat dari aspek kemudahan jalan raya. Sebanyak 27.0% daripada perkampungan Orang Asli masih tidak mendapat kemudahan tersebut (Mohd Tap 2005).

Kesemua maklumat ini menggambarkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli yang masih lagi rendah. Namun begitu, banyak lagi aspek kualiti hidup yang boleh diberi perhatian dalam mengukur kualiti hidup mereka (Salée 2006; Walke 2008; Minore & Katt 2007; Findlay & Wuttunee 2007). Kualiti hidup bukan sahaja diukur oleh penerimaan kemudahan-kemudahan asas tetapi juga oleh komponen sosioekonomi yang lain.

Justeru, dicadangkan sebuah indeks yang dikenali sebagai Indeks Kualiti Hidup Orang Asli Berwajaran (IKHOAw) sebagai pengukur kepada kualiti hidup Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

INDEKS KUALITI HIDUP ORANG ASLI BERWAJARAN

Pemboleh ubah yang berkaitan dengan IKHOAw ialah kesampaian kepada bekalan air paip, kesampaian kepada bekalan elektrik, keadaan fizikal rumah yang kukuh dan selesa, sanitasi, pemilikan kenderaan berenjin, pemilikan lebih dari tiga peralatan rumah tahan lama, kebolehan hidup bermasyarakat dan bebas dari penyakit yang serius.

Indeks berwajaran digunakan kerana ianya dapat menunjukkan kepentingan yang berbeza di antara pemboleh ubah yang digunakan. Indeks berwajaran yang digunakan adalah satu indeks komposit yang menggabungkan beberapa indeks yang menggambarkan kualiti hidup secara keseluruhan. Setiap daripada indeks tersebut yang bertindak sebagai sub indeks kepada indeks keseluruhan diberi pemberatannya yang tersendiri bergantung kepada kepentingan masing-masing. Formula IKHOAw bagi kajian ini adalah berbentuk persamaan seperti berikut:

$$IKHOAw = \left(\frac{w_1Z_1 + w_2Z_2 + w_3Z_3 + w_4Z_4 + w_5Z_5 + w_6Z_6 + w_7Z_7 + w_8Z_8}{w_1 + w_2 + w_3 + w_4 + w_5 + w_6 + w_7 + w_8} \right) \times 100 \%$$

dengan IKHOAw = Indeks Kualiti Hidup Orang Asli Berwajaran

w_1Z_1 = Indeks Kesampaian kepada Bekalan Air Paip

w_2Z_2 = Indeks Penerimaan Bekalan Elektrik

w_3Z_3 = Indeks Keadaan Fizikal Rumah yang Kukuh dan Selesa

w_4Z_4 = Indeks Sanitasi

w_5Z_5 = Indeks Pemilikan Kenderaan Berenjin

w_6Z_6 = Indeks Pemilikan Peralatan Rumah Tahan Lama

w_7Z_7 = Indeks Hidup Bermasyarakat

w_8Z_8 = Indeks Bebas dari Penyakit Serius

$w_1, w_2, w_3, w_4, w_5, w_6, w_7, w_8$ = wajaran

Pemboleh ubah bagi sub indeks 1, 2 dan 5 dirujuk dari Indeks Kualiti Hidup Manusia yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia (UPE 2004). Manakala pemboleh ubah yang selainnya adalah hasil dari temu bual dan perbincangan penyelidikan dengan Pengarah Penyelidikan JHEOA Pusat, Pengarah Pembangunan dan Ekonomi Orang Asli Malaysia, Pengerusi POASM Negeri Perak dan Tok Batin Kampung Sungai Perah, Kampung Gedung Batu dan Kampung Suak Padi di Perak Tengah. Pemboleh ubah

ini diambil kira kerana sesuai dengan corak kehidupan masyarakat Orang Asli.

Indeks kesampaian kepada bekalan air paip yang merupakan kesampaian kepada bekalan air bersih merujuk kepada peratus isi rumah yang mudah sampai dan mengguna bekalan tersebut. Walaupun UNDP (1994, 1997) mendefinisikan bekalan air bersih termasuk dari lain-lain sumber air seperti mata air, telaga, sungai, tasik dan paya tetapi IKHOAw tidak mengambil kira sumber-sumber tersebut kerana tidak ada jaminan terhadap kebersihannya sepertimana jaminan yang diberikan oleh kerajaan bagi bekalan air paip. Maklumat dari Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 1989 juga menggunakan air paip sebagai satu-satunya indikator bekalan air bersih dalam pembentukan indeks kualiti kehidupan. Seterusnya, jarak kurang dari lima kilometer adalah ukuran jarak mudah sampai yang digunakan dalam pembentukan indeks ini. Ukuran ini selaras dengan ukuran mudah sampai yang digunakan oleh Jabatan Statistik Negara.

Indeks penerimaan bekalan elektrik pula diukur dari peratus isi rumah yang telah menerima dan mengguna kemudahan tersebut. Kedua-dua bekalan air dan elektrik walaupun merupakan kemudahan asas yang boleh diletakkan ke dalam satu indeks yang sama (indeks kemudahan asas) sepertimana yang dilakukan dalam kajian UNDP tetapi dalam pembentukan IKHOAw ianya diasingkan. Sekiranya kedua-duanya tidak diasingkan, nilai indeks kemudahan asas yang diperoleh tidak dapat membezakan sama ada ianya dari sumbangan bekalan air ataupun bekalan elektrik kerana kedua-dua sumbangan telah digabungkan ke dalam satu indeks. Oleh yang demikian, pembentukan IKHOAw telah menggunakan indeks tersendiri bagi bekalan air paip dan bekalan elektrik.

Indeks fizikal rumah yang kukuh dan selesa diukur dari aspek struktur rumah, keadaan struktur rumah dan bilangan bilik. Rumah batu, rumah papan, rumah separuh batu dan separuh papan, rumah dari buluh dan papan ataupun dibina dari bahan-bahan tempatan adalah contoh struktur rumah yang diambil kira. Kebiasaannya rumah batu, rumah papan dan separuh batu separuh papan adalah rumah yang mempunyai keadaan struktur rumah yang lebih teguh berbanding dengan rumah daripada buluh ataupun dari bahan tempatan seperti dari dahan kayu yang beratapkan nipah dan berdinginkan bertam ataupun dari bahan buluh. Untuk memastikan sama ada sebuah isi rumah memiliki rumah yang teguh ataupun tidak, ianya dapat dilakukan melalui kaedah pemerhatian. Indeksnya diukur dari peratus isi rumah yang memiliki rumah dalam keadaan teguh dan selesa.

Seterusnya, indeks sanitasi pula dilihat dari peratus isi rumah yang memiliki taraf sanitasi yang baik iaitu tandas pam dan tandas curah. Isi rumah yang menggunakan tandas lubang, tandas di sungai, parit atau lain-lain cara tidak dikira dalam indeks ini. Indeks kenderaan berenjin pula diukur melalui peratus pemilikan kenderaan berenjin

isi rumah sama ada dari kenderaan motosikal, kereta, van, lori, ataupun bot dan sampan bermotor. Mereka yang tidak memiliki sebarang kenderaan atau hanya memiliki basikal atau sampan tanpa enjin tidak dikira dalam indeks ini. Selanjutnya, indeks pemilikan peralatan isi rumah tahan lama pula diukur dari segi peratus isi rumah yang memiliki lebih dari tiga jenis peralatan rumah. Kebolehan hidup bermasyarakat pula diukur dari peratus isi rumah yang mempunyai ciri-ciri perhubungan dengan masyarakat setempat serta masyarakat luar ataupun dengan agensi-agens kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Sekiranya seseorang KIR dari keluarga Orang Asli hanya mempunyai hubungan dengan masyarakat setempat sahaja bermakna ianya terkeluar dari indeks ini. Akhir sekali, indeks bebas dari penyakit, diukur melalui peratus KIR yang tidak menghidapi sebarang penyakit seperti penyakit kulit, malaria, cirit-birit atau lain-lain penyakit.

PENENTUAN WAJARAN IKHOAW

Dalam pembentukan IKHOAW, kesemua indikator yang telah digunakan terlebih dahulu ditentukan pemberat ataupun wajaran masing-masing berasas kepada kepentingannya. Bagi indikator yang dirasakan lebih penting, nilai wajaran yang diberikan kepadanya juga adalah lebih tinggi. Namun begitu, dua persoalan terlebih dahulu perlu diselesaikan sebelum IKHOAW ini digunakan. Pertama, siapakah yang akan menentukan wajaran tersebut? Kedua, bagaimana pula wajaran tersebut hendak ditentukan?

Nilai wajaran bagi IKHOAW ini sebenarnya boleh ditentukan oleh tiga pihak iaitu ahli politik khususnya kerajaan, para pentadbir yang mengurusnya ataupun tenaga mahir luar seperti ahli akademik dan oleh masyarakat yang hendak dikaji itu sendiri (Carley 1981). Walau bagaimanapun, penentuan wajaran dari pihak kerajaan kurang sesuai digunakan dalam kajian Orang Asli kerana kerajaan berkecenderungan memberi nilai wajaran yang tinggi kepada sub indeks untuk menunjukkan kejayaan dasar-dasarnya dan nilai wajaran yang rendah kepada sub indeks yang lain. Penentuan wajaran oleh pengkaji-pengkaji Orang Asli boleh digunakan, tetapi masalahnya pengkajian mereka lebih berbentuk antropologi dan bukannya dari aspek kualiti hidup. Oleh yang demikian, mereka yang mahir dalam menentukan wajaran bagi IKHOAW bagi kajian ini ialah para pentadbir yang berurusan dengan Orang Asli dan juga masyarakat Orang Asli itu sendiri.

Setelah mengetahui siapa yang akan menentukan nilai wajaran, persoalan berikutnya pula ialah bagaimanakah wajaran tersebut hendak ditentukan? Untuk itu, satu borang telah disediakan yang bertajuk Penentuan Pangkat bagi Pemboleh ubah IKHOAW. Dalam borang tersebut disenaraikan kelapan-lapan sub indeks IKHOAW. Borang tersebut diserahkan

kepada pihak yang dipilih untuk menentukan pangkat bagi setiap sub indeks IKHOAW. Terlebih dahulu penerangan mengenai cara untuk mengisi borang tersebut perlu diterangkan kepada pihak yang dipilih. Pihak yang dipilih itu seterusnya mengisi borang dengan menyatakan sub indeks manakah pada pendapat mereka yang paling penting dengan pangkat 1. Nilai yang ditentukan untuk pangkat 1 ialah 8. Sub indeks kedua penting (pangkat 2) dengan nilai 7, diikuti oleh sub indeks ketiga penting (pangkat 3) dengan nilai 6 dan seterusnya hingga ke pangkat 8 dengan nilai terendah 1 kerana paling kurang penting.

Pihak yang menentukan wajaran ini juga diberitahu sekiranya terdapat sub indeks yang sama penting maka nilai pangkatnya juga mestilah sama. Sebagai contoh, jika kebolehan hidup masyarakat adalah yang paling penting dalam menentukan kualiti hidup Orang Asli, maka ia diberi pangkat 1 dengan nilai paling tinggi iaitu 8. Jika kesampaian kepada bekalan air paip dan penerimaan bekalan elektrik sama penting bermakna kedua-duanya diberi pangkat 2. Nilai yang diberi adalah nilai purata iaitu 6.5, dengan mencampurkan nilai 7 dengan 6 dibahagi dengan 2. Sub indeks berikutnya diberi pangkat 4 bukannya 3 dengan nilai 5 dan seterusnya.

Dalam penentuan wajaran IKHOAW ini, seramai 10 orang telah memberi kerjasama (Lihat Jadual 1). Mereka yang terlibat terdiri daripada pekerja pelbagai kategori dalam pentadbiran JHEOA, Ahli Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan Orang Asli, Tok Batin serta individu Orang Asli sendiri. Selain itu, mereka juga menetap di lokasi geografi yang berbeza sama ada di kawasan pedalaman, pinggir mahupun bandar. Keadaan yang berbagai latar belakang ini telah memberi ketepatan yang bermakna terhadap indeks yang dibina berbanding jika kita mendapatkan pandangan daripada sesuatu golongan sahaja. Setiap daripada mereka akan menetapkan pangkat bagi setiap sub indeks berasas kepada kepentingan mengikut pendapat masing-masing. Nilai dari 10 individu tersebut ini dicampurkan serta dibahagi dengan 10 untuk mendapat purata bagi setiap sub indeks. Seterusnya, nilai purata ini dibahagi dengan 36 untuk mendapat nilai wajaran bagi setiap sub indeks kerana terdapat lapan sub indeks yang membentuk keseluruhan IKHOAW.

Dari pengiraan yang dibuat, didapati nilai wajaran yang paling tinggi (paling penting) ialah kesampaian kepada air paip iaitu 0.1625 diikuti oleh bebas dari penyakit (0.1555), kebolehan hidup bermasyarakat (0.1541), penerimaan bekalan elektrik (0.1416) dan seterusnya kepada yang paling rendah 0.0638 untuk pemilikan kenderaan berenjin. Setelah nilai-nilai wajaran ini diketahui, dapatlah nilai tersebut dimasukkan ke dalam persamaan IKHOAW untuk mendapatkan kedudukannya. Sebagai contoh, sekiranya responden A menerima bekalan air paip ($Y_a = \text{Kod1}$),

bekalan elektrik (Ya = Kod1) dan keadaan rumah yang kukuh dan selesa (Ya = Kod1) tetapi untuk pemboleh ubah yang lain jawapannya (Tidak = 0) maka nilai IKHOAWnya ialah:

$$IKHOAW = \left(\frac{0.1625 + 0.1416 + 0.1333 + 0 + 0 + 0 + 0}{0.1625 + 0.1416 + 0.1333 + 0.1111 + 0.0638 + 0.0805 + 0.1541 + 0.1555} \right) \times 100\%$$

$$= 43.74\%$$

JADUAL 1. Individu yang Terlibat dalam Penentuan Wajaran IKHOAW

Kod Individu	Nama Individu	Jawatan/Status
X1	Iszuddin b. Abdullah	Mantan Setiausaha POASM Negeri Perak, Ahli Lembaga Pengarah YOAP dan AJK BAKOIS Malaysia
X2	Ngah Dian b. Ngah Badu	Mantan Pengerusi POASM Negeri Perak, Pengarang Majalah Nong Pai (berita dari Perak)
X3	Mohd Zambri b. Mustajab	Pengarah JHEOA Negeri Perak
X4	Norizan bt. Mohd Zain	Penolong Pengarah Penyelidikan JHEOA Negeri Perak
X5	Mohamed Hassan A. Aziz	Pegawai JHEOA Perak Tengah dan Hilir Perak
X6	Mohd Rizalman b. Ramli	Kakitangan JHEOA, RPS Air Banun Grik, Perak
X7	Udaro a/l Mondin	Tok Batin Kampung Gedung Batu, Perak Tengah
X8	Alang Rindang b. Alang Toi	Tok Batin Kampung Sungai Perah, Perak Tengah
X9	Alang Dee b. Uda Gazil	AJK, Kampung Sungai Perah (Suku Semai)
X10	Siber a/k Awat	Sarjan Mejar PGA (Suku Semai)

Sumber : Mohd Fauzi 2006.

Nota : POASM : Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia

YOAP : Yayasan Orang Asli Negeri Perak

BAKOIS : Badan Kebajikan Orang Asli Semenanjung Malaysia

Akhir sekali, penentuan kualiti hidup secara kardinal ditentukan dengan membandingkan nilai IKHOAW ini dengan satu paras pencapaian seperti dalam Jadual 2. Oleh kerana nilai IKHOAW untuk responden A ialah 43.74% bermaksud IKHOAWnya ialah sederhana yang juga bermaksud tahap kualiti hidupnya yang sederhana. Proses yang sama seterusnya dilakukan terhadap responden-responden lain.

KAJIAN EMPIRIKAL KUALITI HIDUP ORANG ASLI DI NEGERI PERAK

Satu kajian telah disiapkan pada 2006 untuk menentukan nilai IKHOAW di negeri Perak (Mohd Fauzi 2006).

JADUAL 2. Tahap-tahap IKHOAW dan Interpretasinya

Nilai IKHOAW	Maksud Nilai IKHOAW	Interpretasinya dari Aspek Kualiti Hidup	Kod
0 – 20 %	Sangat rendah	Sangat rendah	1
21 – 40 %	Rendah	Rendah	2
41 – 60 %	Sederhana	Sederhana	3
61 – 80 %	Tinggi	Tinggi	4
81 – 100 %	Sangat tinggi	Sangat tinggi	5

Sumber: Mohd Fauzi 2006

Kajian tersebut melibatkan temu duga 202 responden daripada sembilan perkampungan Orang Asli di negeri Perak. Perkampungan yang dipilih merangkumi perkampungan di kawasan pedalaman, pinggir dan kawasan bandar. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah secara *proportional-random sampling* di mana setiap individu Orang Asli dari kesembilan buah kawasan yang dikaji mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai responden. Bilangan sampel bagi setiap kawasan yang dikaji adalah berkadar dengan jumlah penduduk di kawasan tersebut. Dengan cara ini sampel yang dipilih telah dapat mewakili populasi sasaran.

Saiz sampel yang ditentukan untuk kajian ini adalah dengan nisbah 0.3 dari jumlah populasi. Namun dengan kerja lapangan yang lancar serta kerjasama yang memuaskan dari JHEOA pencapaian saiz sampel adalah sebanyak 202 orang iaitu jauh lebih besar dari saiz sampel yang ditentukan (Sila rujuk Jadual 3).

JADUAL 3. Kawasan Kajian dan Saiz Sampel

Kawasan Kajian	Klasifikasi Kawasan	Bilangan Responden	Saiz Sampel ditentukan	Pencapaian (%)
Kg. Sg. Banun	Pedalaman	17	6	283.3
Kg. Sg. Raba	Pedalaman	21	7	300.0
Kg. Sg. Kejar	Pedalaman	12	6	200.0
Kg. Tumbuh Hangat	Pinggir	29	16	181.3
Kg. Gedung Batu	Pinggir	20	8	250.0
Kg. Sg. Perah	Pinggir	30	30	100.0
Kg. Suak Padi	Pinggir	26	14	185.7
Kg. Batu Berangkai	Bandar	22	17	129.4
PGA Bidor	Bandar	25	50	50.0
Jumlah		202	54	131.2

Sumber: Mohd Fauzi 2006

KEPUTUSAN KAJIAN

Kajian mencatatkan IKHOAW yang memuaskan. Sebanyak 43.6% berada pada kualiti hidup sangat tinggi, 16.8% kualiti hidup tinggi, 25.2% kualiti hidup sederhana dan 13.9% kualiti hidup rendah. Hanya 0.5%

JADUAL 4. Nilai IKHOAW

Bil	IKHOAW	Nilai (%)
1	IKHOAW (0-20%) : Kualiti hidup sangat rendah	0.5
2	IKHOAW (21-40%) : Kualiti hidup rendah	13.9
3	IKHOAW (41- 60%) : Kualiti hidup sederhana	25.2
4	IKHOAW (61-80%) : Kualiti hidup tinggi	16.8
5	IKHOAW (81-100%) : Kualiti hidup sangat tinggi	43.6

Sumber: Mohd Fauzi 2006

sahaja yang berada pada kualiti hidup sangat rendah (Jadual 4).

Keadaan kualiti hidup yang memuaskan disumbangkan oleh keadaan tahap kesihatan yang baik dengan nilai indeks bebas dari penyakit sebanyak 93.1%, tahap perhubungan masyarakat yang tinggi diwakili oleh indeks kebolehan hidup bermasyarakat juga sebanyak 93.1% dan keadaan sanitasi yang bertambah baik sebanyak 74.3%. Walau bagaimanapun, penerimaan bekalan air paip, bekalan elektrik, pemilikan kenderaan berenjin dan keadaan rumah yang tidak memuaskan masih menjejaskan kualiti hidup Orang Asli dan perlu diberi perhatian oleh pihak JHEOA (Jadual 5).

JADUAL 5. Nilai Sub-sub Indeks IKHOAW

Bil	Sub-sub Indeks (IKHOAW)	Nilai Indeks (%)
1	Indeks kesampaian kepada bekalan air paip	55.9
2	Indeks penerimaan bekalan elektrik	61.4
3	Indeks fizikal rumah yang kukuh dan selesa	62.4
4	Indeks sanitasi	74.3
5	Indeks pemilikan kenderaan berenjin	46.5
6	Indeks pemilikan lebih daripada 3 peralatan rumah tahan lama	52.5
7	Indeks kebolehan hidup bermasyarakat	93.1
8	Indeks bebas dari penyakit	93.1

Sumber: Mohd Fauzi 2006

KESIMPULAN

IKHOAW adalah satu kaedah pengukuran yang boleh digunakan bagi mengukur kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Pembinaan indeks yang berasas kepada beberapa sub indeks dengan nilai wajaran yang berbeza telah dapat menggambarkan kualiti hidup mereka dengan lebih tepat dan berkesan. Dengan penggunaan IKHOAW ini, pengukuran kualiti hidup masyarakat Orang Asli bukan sahaja boleh dilakukan secara berasingan tetapi dapat juga dikumpulkan sebagai satu indeks komposit yang memberi gambaran kualiti hidup mereka secara keseluruhan.

RUJUKAN

- Atkinson, R. 2000. Combating Social Exclusion in Europe: The New Urban Policy Challenge. *Urban Studies* 37(5-6): 1037-1055.
- Ball, J. 2008. Poor living conditions mean bleak future for Aboriginal kids Promoting Equity and Dignity for Aboriginal Children in Canada. *IRRPP Choice* 14(7): 1-30.
- Carley, M. 1981. *Social Measurement and Social Indicators: Issues of Policy and Theory*. London: George Allen & Unwin.
- Evans, M. 1998. Behind the rhetoric: The institutional basis of social exclusion and poverty. *IDS Bulletin*.
- Findlay, I. & Wanda Wuttunee, W. 2007. Aboriginal women's community economic development: Measuring and promoting success. *IRRPP Choice* 13(4): 1-26.
- Martin, P. 2008. Aboriginal quality of life under a modern treaty: Lessons from the experience of the Cree Nation of Eeyou Istchee and the Inuit of Nunavik. *IRRPP Choices* 14(9): 1-26.
- Minore, B. & Katt, M. 2007. Aboriginal health care in Northern Ontario: Impacts of self-determination and culture. *IRRPP Choice* 13(6): 1-22.
- Mohd Tap Salleh. 2005. The Development of the Orang Asli Community in Peninsular Malaysia: The Way Forward. International Conference on the Indigenous People 2005. Kuala Lumpur, July 04.
- Mohd Fauzi Mohd Harun. 2006. Peminggiran dan Kemiskinan Orang Asli di Negeri Perak. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Salée, D. 2006. Quality of Life of Aboriginal People in Canada: An Analysis of Current Research. *IRRPP Choice* 12(6): 1-38.
- Strobel, P. 1996. From poverty to exclusion: A wage earning society to a society of human right. *International Social Science Journal* 48(148): 173-189.
- Taylor, P. 1999. Democratizing cities: Habitat's global campaign on urban governance. *Habitat Debate* 5(4): 1-5.
- Townsend, P. 1979. *Poverty in United Kingdom*. Middlesex: Penguins Books Ltd.
- UNDP. 1994. *Human Development Report*. New York: Oxford University Press.
- UNDP. 1997. *Human Development Report*. New York: Oxford University Press.
- UPE 2004. *Kualiti Hidup Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Walke, R. 2008. Social housing and the role of aboriginal organizations in Canadian cities. *IRRPP Choice* 14(4): 1-18.

Mohd Fauzi Mohd Harun
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Perak, 32610 Bandar Sri Iskandar
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
e-mel: mohdf430@uitmperak.edu.my

Nor Aini Haji Idris, Ph.D
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
e-mel: noraini@ukm.my